

KONSEP SASTERA ISLAM OLEH KASSIM AHMAD

THE CONCEPT OF ISLAMIC LITERATURE BY KASSIM AHMAD¹

Prof. Madya Dr. Adli Yaacob²

Accepted date: 14-10-2018

Published date: 15-01-2019

To cite this document: Yaakob, A. (2018). Konsep Sastera Islam oleh Kassim Ahmad. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 1 (4), 117-128.

Abstrak: Kajian ini berkisar tentang konsep sastera Islam mengikut Kassim Ahmad. Kassim telah mengagaskan satu konsep sastera Islam berdasarkan sanggahannya terhadap konsep sastera Islam oleh Shahnnon Ahmad, melalui perdebatan ilmiah dalam Dewan Sastera menerusi beberapa keluaran. Menerusi konsep yang ditampilkan jelas Kassim menyerlahkan fahaman liberal terhadap kefahaman Islamnya. Terdapat beberapa tafsiran terhadap ayat ayat al-Quran yang ditafsirkan mengikut kefahamannya yang agak bercanggah dengan kaedah penafsiran al-Quran dalam menetapkan konsep sastera Islam. Meskipun begitu, kajian ini juga menyerlahkan kehebatan Kassim dalam bidang penulisan sewaktu mempertahankan hujjah hujjahnya terhadap Shahnnon. Perdebatan ilmiah ini juga telah menarik minat para ilmuan lain di Malaysia untuk melontarkan idea masing masing, seterusnya mauduk ini menjadi panas dan menjadi persoalan yang penting dibicarakan pada waktu itu, meskipun persoalan tentang 'sastera Islam' ini sebenarnya telah ditimbulkan oleh tokoh tokoh sasterawan sebelumnya. Kassim dan Shahnnon telah berjaya menjadikan mauduk 'sastera Islam' menjadi penting untuk diperdebatkan. Apatah lagi waktu itu persoalan Islamisasi menjadi 'penting' kerana kempen penerapan nilai nilai Islam oleh kerajaan, dan faktor tercetusnya 'Revolusi Islam Iran'. Sekiranya proses 'Islamisasi' dilaksanakan dalam bidang pendidikan, ekonomi, undang undang dan pengurusan, maka apakah bidang sastera yang bergantung kepada khayalan juga boleh di 'Islamisasi'kan. Kajian ini sedikit sebanyak menjawab isu sastera Islam atau mungkingkah proses 'Islamisasi' dilaksanakan dalam bidang kesusasteraan?

Kata Kunci: Konsep Sastera Islam, Karya, Penulisan, Pemikiran, Aqidah, Idea, Kritikan

¹ **Latarbelakang Keluarga:** Kassim Ahmad, anak sulung kepada guru agama Ahmad bin Ishak dan surirumah Ummi Kalthom binti Haji Ahmad, lahir pada 9 September, 1933 di Bukit Pinang dalam daerah Kota Setar, di negeri utara Kedah, Malaysia. Ibubapanya anak Malaysia generasi keempat, dipercayai berhijrah dari Padang, Sumatera, di sebelah bapanya, dan dari wilayah Melayu Patani dalam negara Thai, di sebelah emaknya. Datuk lelakinya, Lebai Ishak bin Lebai Teh, seorang guru agama dari Petani dan tinggal di Seberang Perai, Pulau Pinang. Bapanya berkahwin dengan ibunya, anak bungsu seorang petani di utara Kedah, dan tinggal di beberapa bandar kecil di Kedah semasa menjadi guru, dan akhirnya menetap di Bukit Pinang di atas sekeping tanah kampung yang mereka beli. (<http://www.stromloader.com/5-2-2016>)

² Profesor Madya, Jabatan Bahasa Arab dan Sastera Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia. E-Mel: adlihy@iiu.edu.my

Abstract: *The study revolves around the concept of Islamic Literature as proposed by Kassim Ahmad in his refutation against the view of Shanon Ahmad in a debate that took place in a number of issues of the local Literature Magazine “Dewan Sastera”. It was observed that from his arguments that Kassim adopted a liberal stand especially interpreting some of the verses of the Quran, on which he built his argument to conceptualize the concept of Islamic Literature. It must be admitted however that the debate had revealed Kassim’s writing rigor when defending his views. The debate had reopened the interest in the topic among the academia and the literary circle although the topic itself had been discussed by others before inviting fresh views from some of them. Indeed, the debate had managed to spark new interest in the topic as it was coincidentally taking place during the era of which the government was keen in implementing the internalization of Islamic values policy and against the backdrop of the success of the Islamic revolution in Iran. Since the Islamization project had begun to gain momentum in some areas such as economy, politic, administration etc., the same question was asked whether Islamization is applicable in the realm of literature as well. This paper attempts to consider this question.*

Keywords: *Concept of Islamic Literature, Literary Work, Writing, Idea, Belief, Critic*

Pendahuluan

Tidak seperti tokoh-tokoh lain Kassim Ahmad (seterusnya Kassim)³ mencetuskan konsep sastera Islamnya melalui perdebatannya dengan Shanon Ahmad (seterusnya Shanon) dalam majalah Dewan Sastera. Boleh dikatakan konsepnya terbentuk hasil penolakannya terhadap konsep yang digagaskan oleh Shanon dalam buku "الأدب والأخلاق الإسلامي". Oleh yang demikian idea-idea dan konsep yang ditampilkan seolah-olah jawapan kepada idea-idea Shanon.

Sebagai memulakan polemik “sastera Islam” Kassim⁴ telah menulis dalam Dewan Sastera (Nov 1982), dengan membuat kritikan terhadap pandangan Shanon yang dibicarakan dalam

³ **Latarbelakang Pendidikan:** Setelah melalui kehidupan yang susah, ibubapanya mahu anak sulung mereka berjaya. Oleh kerana dia seorang murid yang rajin dan pintar, Kassim dengan senang memperoleh pujian daripada guru-gurunya di sekolah-sekolah rendah dan menengah dan diberi jawatan-jawatan dalam sekolah. Tetapi di akhir persekolahannya, minatnya yang kuat dalam politik menukar dia menjadi seorang belia radikal yang kemudian memegang jawatan pengerusi kebangsaan Parti Sosialis Rakyat Malaysia dan mendaratkannya dalam jel selama hampir lima tahun. Walau bagaimanapun, keintelektualannya dan cintanya kepada sastera menjadikan dia seorang penyair dan penulis yang terkenal, walaupun yang kontroversi. Minatnya yang baru dalam Islam sejak kira-kira 1972 sebagai pemikiran falsafah dan politik saintifik membuat dia tidak selesa dengan jawatan pengerusi parti itu. Dia meninggalkan jawatan itu pada 1984. Memasuki UMNO pada 1986, beliau cuba membawa reformasi ke dalam parti itu, tetapi gagal, dan beliau meninggalkan politik aktif sejak 1992. (<http://www.stromloader.com/5-2-2016>)

⁴ **Kerjaya dan Penerbitan:** Setelah meninggalkan Universiti, Kassim bekerja sebagai pegawai penyelidik di Dewan Bahasa dan Pustaka di Kuala Lumpur dan kemudian memegang jawatan pensyarah di Pusat Pengajian Timur dan Afrika (London School of Oriental and African Studies), Universiti London, di London selama empat tahun. Pulang ke tanah air, beliau mengajar di sebuah sekolah menengah di Pulau Pinang. Kerana beliau seorang yang berjiwa bebas dan tidak terlalu suka mengikut undang-undang yang menekan, perkhidmatan beliau ditamatkan pada 1969 kerana menyebarkan risalah parti kepada anak muridnya. Beliau menjadi penulis bebas, wartawan dan guru bebas setelah itu hingga sekarang. Isterinya, Shariffah Fawziah binti Syed Yusoff Alsagoff, anak kedua kepada seorang pegawai polis di Selangor, berkahwin dengan

bukunya "الأدب والأخلاق الإسلامي". Menurut Kassim, buku ini hanya membicarakan mengenai teologi dan sejarah Islam sahaja dan bukannya sastra. Ini kerana Shahnun tidak memberi penyelesaian yang diperlukan tentang teori sastra Islam. Bagi Kassim, pandangan Shahnun terhadap idea-idea seperti nasionalisme, liberalisme dan sosialisme adalah sempit. Bagi Kassim, semua falsafah yang terkandung di dalam ideologi yang tersebut juga terdapat di dalam Islam. Mengikuti pendapatnya, "adalah tidak munasabah bagi orang-orang yang merasakan diri mereka Muslim menolak nilai-nilai ini semata-mata kerana ianya terdapat di dalam falsafah-falsafah dan ideologi-ideologi lain⁵.

Kemudiannya, Shahnun menjawab dengan mengakui bahawa "bukunya itu" lebih merupakan huraian terhadap persoalan teologi dan sejarah Islam, sementara persoalan teori dan konsep sastra Islam amat sedikit disentuhnya. Untuk mempertahankannya, Shahnun menegaskan bahawa pembicaraan di dalam bukunya memang disengajakan kerana ia berkaitan dengan sastra Islam. Menurutnya, konsep sastra Islam itu mengarah kepada aspek-aspek peribadatan kepada Allah. Kegiatan sastra sebagai ibadah perlu ditekankan dengan aspek iman dan iktiqad melalui pengetahuan tentang ilmu Usuluddin dan Tawhid. Manakala ilmu Feqah dan Tasawwuf bertujuan untuk memperbetulkan ibadat dan kebersihan hati. Selanjutnya beliau berpendapat andainya persoalan teologi dan sejarah Islam tidak dipentingkan, maka keupayaan seseorang itu untuk melibatkan kegiatan sastra sebagai satu ibadah amat diragui⁶. Seterusnya Shahnun menegaskan bahawa "sastra Islam" ialah **"sastra kerana Allah berhikmah untuk manusia"**. Menurut Shahnun lagi, kegiatan sastra sebagai satu ibadah itu pula perlu memenuhi beberapa syarat yang diakui oleh Islam supaya selaras dengan syariatnya iaitu:

- 1) Matlamatnya mesti betul.
- 2) Perkara wajib mesti diamalkan.
- 3) Yang haram ditinggalkan.
- 4) Yang sunat elok diamalkan.
- 5) Yang makruh elok ditinggalkan⁷.

Dalam ulasan Kassim⁸ terhadap "definisi sastra Islam" yang diutarakan oleh Shahnun, beliau berpendapat bahawa definisi itu terlalu umum dan samar. Walaubagaimanapun

beliau pada 1960 dan melahirkan dua orang anak perempuan dan seorang anak lelaki. Dia berkongsi pandangan hidup dengan suaminya serta membantu kerja-kerjanya. Minat Kassim dalam bidang-bidang politik, falsafah dan agama memperkenalkannya kepada gerakan politik-falsafah LaRouche di Amerika Syarikat, kepada Parti Baath dan Saddam Hussein di Iraq dan kepada Allahyarham sarjana Mesir yang bermustautin di A.S. dan berpusat di Tucson, Arizona, Dr. Rashad Khalifa. Beliau telah menghadiri konferensi-konferensi yang dipanggil oleh pertubuhan-pertubuhan ini. Minat Kassim luas. Sastra, politik, falsafah dan agama, inilah minat-minatnya yang besar, dan beliau telah menulis buku dan esei tentang tajuk-tajuk ini. Beliau telah dianugerah ijazah kehormat Doktor Persuratan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia pada 1985 dan Anugerah Penyair Gabungan Penulis-penulis Nasional (GAPENA) pada tahun 1987. (<http://www.stromloader.com/5-2-2016>)

⁵ Kassim Ahmad, Februari 1983, **Menuju Sebuah Teori Sastra Islam: Jawapan kepada Shahnun**, Dewan Sastra, hlm, 34.

⁶ Shahnun Ahmad, Januari 1983, **Masalah Kegiatan Kesusasteraan Sebagai Satu Ibadah**, Dewan Sastra, hlm, 47.

⁷ Ibid, hlm, 47.

Kassim bersetuju bahawa konsep seni kerana Allah yang dianjurkan oleh Shahnnon itu lebih tinggi martabatnya dan tinggi nilainya daripada konsep seni untuk seni atau seni masyarakat.

Dalam jawapan Shahnnon terhadap ulasan Kassim mengenai definisi sastera yang dianjurkannya, Shahnnon menyatakan kegembiraannya kerana Kassim mengakui bahawa “sastera kerana Allah itu lebih tinggi martabatnya daripada konsep seni untuk seni, dan seni untuk masyarakat yang menjadi slogan bagi para sasterawan Barat”. Menurut Shahnnon, jika seseorang itu menerima Islam sebagai satu sistem hidup yang sempurna dan menyeluruh dalam kehidupan manusia, maka sudah sewajarnya konsep sastera Islam dapat diterima dan dipraktikkan⁹.

Setelah akhirnya bersetuju untuk menerima satu noktah iaitu menerima definisi sastera Islam yang dikemukakan Shahnnon dan martabat sastera yang dicipta kerana Allah lebih tinggi dari sastera kerana lain-lainnya. Kemudian perdebatan mereka tertumpu kepada sifat pencipta sesuatu karya sastera itu sendiri. Menurut Shahnnon, sastera Islam perlu dihasilkan oleh penulis Muslim. Sementara Kassim pula berpendapat bahawa seni sastera Islam tidak semestinya dilahirkan oleh sasterawan Muslim. Sastera Islam boleh diciptakan oleh manusia “dengan menggunakan keindahan, kebenaran dan kebaikan mengikut estetika Islam untuk manusia.¹⁰

Untuk jawapan terhadap persoalan tentang penciptaan karya sastera Islam, Shahnnon berhujah bahawa di samping unsur-unsur keindahan, kebaikan dan kebenaran dalam sesuatu karya “sastera Islam”, penulis perlu menekankan konsep Tawhid. Tegasnya, penulis karya itu sendiri perlu beriman kepada Allah. Menurut Shahnnon, memang banyak penulis bukan Islam yang telah mencipta karya-karya sastera yang mengandungi nilai-nilai universal yang bersesuaian dengan Islam seperti Dante, T.S. Eliot dan lain-lain. Namun begitu karya mereka tidak boleh dikategorikan sebagai sastera Islam kerana keyakinan mereka tidak berasaskan Tawhid. Tegasnya, penentuan sesuatu karya samada Islam atau tidak, tidak hanya dilihat dari segi luaran tetapi juga “unsur dalaman” dalam proses kelahiran karya iaitu, kebenaran dan kebaikan sejagat.¹¹

Hujah Shahnnon kemudiannya cuba disangkal oleh Kassim¹² dengan mengemukakan alasan lain yang mungkin boleh melemahkan definisi Shahnnon tersebut. Menurut Kassim, sekiranya

⁸ Kassim Ahmad seorang penulis terkenal dalam bidang kritikan dan ketokohnya dalam bidang politik beraliran sosialisme di Malaysia. Pada akhir tahun-tahun tujuh puluhan Kassim mulai meminati persoalan Islam dalam masyarakat Melayu. Sebagai seorang tokoh kritikan sastera, maka pendapat-pendapat yang diutarakan oleh Shahnnon telah mendapat perhatiannya. (<http://www.stromloader.com/5-2-2016>)

⁹ Shahnnon Ahmad, Januari 1983, **Masalah Kegiatan Kesusasteraan Sebagai Satu Ibadah**, hlm, 48.

¹⁰ Kassim Ahmad, Februari 1983, **Menuju Sebuah Teori Sastera Islam: Jawapan kepada Shahnnon**, hlm, 34.

¹¹ Shahnnon Ahmad, Mac 1983, **Sastera Islam Berteraskan Pandangan Hidup Islam**, Dewan Sastera, hlm, 47-48.

¹² Karya-karyanya termasuk buku-buku tentang teori sosial Islam (1984), tentang Hadis (1986), tentang penahanan politiknya (1983) dan beberapa antologi esei politik dan sastera serta sebuah antologi sajak (1967). Beliau telah menerbitkan dua buah esei falsafah yang penting, sebuah kritikan terhadap Marxisme (Dewan Bahasa, Disember 1975) dan tentang bermaknanya kehidupan (Pemikir, Oktober-Disember, 1997) Beliau juga telah mengedit beberapa karya klasik Melayu.

penekanan bahawa penciptaan karya sastera mesti dihasilkan oleh seorang Muslim yang berkeyakinan kepada konsep Tawhid, mungkin banyak pula penulis Muslim yang melahirkan karya-karya yang membawa unsur tidak baik dan bertentangan dengan unsur estetika Islam. Karya tersebut mengikutnya patut diketepikan sebagai sebuah sastera Islam. Menurut Kassim, sebaliknya terdapat pula karya yang bercorak sastera Islam yang dihasilkan oleh orang bukan Islam. Penentuan terhadap definisi sastera menurut Kassim perlu menurut logik dengan menggunakan aqal.¹³

Mengikut Kassim, sastera Islam ialah: kesusasteraan yang dihasilkan oleh manusia mengikut “estetika Islam” untuk manusia¹⁴. Bagi Kassim sesiapa pun boleh melahirkan sastera Islam tidak kira Muslim atau pun tidak andainya dia berjaya mengikut garis “estetika Islam” dan karyanya ditujukan kepada manusia. Konsep pegangan Tawhid mengikut pandangan Kassim adalah berbeza mengikut pengertian Shahnnon dan kebanyakan orang. Baginya, semua orang mempunyai pegangan aqidah berdasarkan firman Allah:

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَالَّذِينَ هَادُوا وَالنَّصَارَى وَالصَّابِئِينَ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَعَمِلَ صَالِحًا فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ {62} ¹⁵

Daripada ayat ini, beliau menyimpulkan bahawa “pandangan hidup Tawhid”, iaitu yang pertamanya konsep Shahnnon “bersastera kerana Allah” dengan konsepnya “sastera mengikut pandangan Tawhid” adalah sama. Bagi Kassim, pandangan hidup Tawhid juga terdapat juga di dalam kehidupan orang bukan Islam seperti mana yang ditegaskannya: **“Pandangan hidup Tawhid membawa pengertian-pengertian pokok; keesaan Tuhan, kesatuan alam, kesatuan kehidupan, kesatuan manusia, kesatuan ilmu dan kesatuan perbuatan. Pengertian-pengertian pokok lain boleh ditambah, tetapi ini memadai seperti yang telah diperbincangkan bahawa pandangan hidup Tawhid ini tidak terbatas kepada orang-orang Islam sahaja, tetapi meliputi semua insan yang beriman kepada Tuhan di dalam agama-agama lain. Oleh itu, pengertian Tawhid dan Islam yang asal dan luas inilah kita harus kembali untuk menyelesaikan masalah kita”**¹⁶.

Kemudiannya, beliau telah menyangkal “gambarajah” yang ditampilkan oleh Shahnnon yang menggambarkan konsep sastera Islam. Dalam menyatakan hubungan di antara “pengarang

Kebanyakan karya beliau dalam bahasa Melayu. Bukunya tentang Hadis, yang mendapat sambutan hangat bila mula-mula terbit dan yang telah menyebabkan beliau dicap “murtad” oleh beberapa kalangan agama, telah diterjemahkan ke dalam bahasa-bahasa Arab dan Inggeris (1997). Beliau sekarang sedang mengerjakan sebuah terjemahan Quran ke dalam bahasa Melayu, sebuah riwayat hidup beliau dan sebuah edisi baru bagi karya besar Abdullah Munsyi, Hikayat Abdullah, di samping memimpin Jema'ah Al-Quran Malaysia. (<http://www.stromloader.com/5-2-2016>)

¹³ Kassim Ahmad, April 1983, **Soal Definisi dan Penilaian**, hlm, 45.


¹⁴ Ibid, hlm, 38.

¹⁵ سورة البقرة، الآية 62.


¹⁶ Kassim Ahmad, Jun 1983, **Menuju Sebuah Teori Sastera Islam: Pandangan Hidup Tawhid dan Estetika Islam**, Dewan Sastera, hlm, 59.

dengan Allah s.w.t”, dan perbedaannya dengan sastra bukan Islam, Shahnnon menggambarannya dalam bentuk gambarajah seperti yang berikut¹⁷:

A) “Sastra Islam”



B) Sastra bukan Islam



Bagi Shahnnon, perbezaan yang amat jelas di antara sastra Islam dan bukan Islam ialah hubungan antara pengarang dengan Allah s.w.t yang berpaksikan Tawhid. Sebaliknya, bagi Kassim menyangkal gambarajah yang dipamerkan dengan menjelaskan bahawa pengarang-pengarang bukan Islam juga mempunyai hubungan dengan Tuhan atau alam ghaib. Katanya: “Kita semua maklum bahawa pengarang-pengarang agama lain juga beriman kepada Tuhan dan mempunyai hubungan dengan Tuhan”¹⁸. Bagi Shahnnon, sesuatu yang benar, cantik dan baik belum tentu dianggap sastra Islam seandainya tidak bersumberkan kepada Tawhid, sebaliknya Kassim membantah pendapat ini dengan menegaskan karya-karya yang benar, cantik dan baik yang dihasilkan oleh pengarang-pengarang bukan Islam seperti Shakespeare, Goethe, Tolstoy dan Tagore juga boleh dikira sebagai sastra Islam kerana terdapat unsur-unsur Islam di dalamnya. Bahkan sekali lagi dengan berani beliau menjelaskan “pandangan hidup Tawhid” tidak terbatas kepada penganut-penganut agama Islam sahaja tetapi meliputi kepada semua yang beriman dengan Tuhan dan Hari Kemudian. Seterusnya beliau merujuk kepada al-Quran:

لَيْسُوا سَوَاءً مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ أُمَّةٌ قَائِمَةٌ يَتْلُونَ آيَاتِ اللَّهِ آنَاءَ اللَّيْلِ وَهُمْ يَسْجُدُونَ {113} يُؤْمِنُونَ
 بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُسَارِعُونَ فِي الْخَيْرَاتِ وَأُولَئِكَ مِنَ
 الصَّالِحِينَ {114}¹⁹

¹⁷ Shahnnon Ahmad, Mei 1983, **Sastra Islam: Antara Dalam Diri Dengan Luar Diri**, Dewan Sastra, hlm, 48.

¹⁸ Kassim Ahmad, Jun 1983, **Menuju Sebuah Teori Sastra Islam: Pandangan Hidup Tawhid dan Estetika Islam**, hlm, 56.

¹⁹ سورة آل عمران، الآية 113-114.

Kemudian, beliau menambah dengan firman Allah:

لَيْسَ الْبِرُّ أَنْ تُولُؤُوا وَجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ
وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّينَ وَآتَى الْمَالَ عَلَى حُبِّهِ ذَوِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ وَالسَّائِلِينَ وَفِي
الرِّقَابِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَالْمُوفُونَ بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَاهَدُوا وَالصَّابِرِينَ فِي الْبَأْسَاءِ وَالضَّرَّاءِ وَحِينَ
الْبَأْسِ أُولَئِكَ الَّذِينَ صَدَقُوا وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ {177}

Kassim mendatangkan idea yang kurang jelas dengan konteks ayat-ayat yang telah didatangkannya sebagai bukti untuk mengukuhkan hujahnya. Bukankah ayat-ayat yang didatangkannya menceritakan “pandangan hidup Tawhid” itu merujuk kepada umat-umat terdahulu sebelum perlantikan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai Rasul akhir zaman. Ayat-ayat tersebut menjelaskan cerita-cerita yang berkaitan dengan umat-umat terdahulu yang telah beriman kepada Allah dengan sebenar-benar Iman yang harus diteladani oleh kita (umat Muhammad) hari ini. Allah menjelaskan bahawa semua agama Samawi terbatal dengan turunya Islam di bawah pimpinan Rasulullah s.a.w. Andainya mereka ingin berpegang kepada Tawhid yang benar maka mereka perlu beriman kepada Allah dan mengakui Muhammad s.a.w. sebagai Rasulullah dengan meninggalkan agama-agama sebelum ini dan menganut Islam. Firman Allah s.w.t (هو الذي أرسل رسوله بالهدى ودين الحق ليظهره على الدين كله ولو كره المشركون)

Maksudnya: Dialah yang mengutus Rasulnya (Muhammad s.a.w) dengan membawa hidayah (al-Quran) dan agama yang benar (Islam) untuk menzahirkan (memenangkan) diatas semua agama lain (agama sebelum kedatangan Nabi Muhammad saw) walaupun dibenci oleh orang-orang Musyrik. (Surah al-Saff: 9)

Dalam hal ini, kita tidak pasti samada Kassim kurang faham tentang perkara ini atau sengaja ingin mewujudkan suasana yang agak keliru dalam mencari ketepatan terhadap definisi sastera Islam. Kemudiannya Kassim mencadangkan agar sastera Islam ditukar kepada sastera orang-orang Islam (الأدب المسلمين) demi untuk mengelakkan masalah penafsiran. Ini kerana, pada pandangannya apabila sastera Islam ditukar kepada (الأدب المسلمين) maka kesusasteraan Islam sama tinggi dan rendah dengan kesusasteraan bangsa-bangsa lain dan mengandungi karya-karya yang bermutu dan juga tidak bermutu. Seperti kesusasteraan Melayu, kesusasteraan Tionghua, kesusasteraan India, kesusasteraan Inggeris dan sebagainya. Namun begitu, pada pandangannya konsep sastera Islam merupakan konsep ideologi dan bukannya “konsep kebangsaan” sepertimana kesusasteraan-kesusasteraan lain walaupun beliau cuba menyamakan tarafnya, dan beliau masih lagi mengakui kewujudan konsep estetika atau falsafah seni Islam.²¹

²⁰ سورة البقرة، الآية 177.

²¹ Kassim Ahmad, April 1983, **Soal Definisi dan Penilaian**, hlm, 39.

Setelah itu, Kassim mengutarakan beberapa persoalan demi bagi memantapkan hujahnya tentang konsep sastera Islam iaitu; apakah itu estetika atau konsep sastera Islam? Apakah itu kesusasteraan Islam dan bagaimana ia timbul? Apakah tujuan dan peranan kesusasteraan? Apakah jenis-jenis, bentuk dan teknik-teknik sastera Islam? Bagaimanakah menilai kesusasteraan Islam? Bagi Kassim sebuah estetika atau teori sastera Islam mesti menjawab persoalan-persoalan ini dengan memuaskan.²²

Seterusnya Kassim mempertikaikan Shahnnon tentang kritiknya terhadap golongan “ASAS 50” yang mengikut pandangan Shahnnon dengan mengatakan golongan ini tidak mengikut susur galur Islam kerana diasaskan di atas kepelbagaian fahaman seperti realisme-idelisme, realisme-sosialisme, humanisme, rasionalisme dan sebagainya²³. Kassim juga mempersoalkan kenyataan Shahnnon yang mengatakan bahawa Islam telah lengkap dan tidak perlu kepada falsafah-falsafah lain seperti mana kata Shahnnon: “Oleh kerana Islam telah lengkap dan (mengandungi bahagian-bahagian) benar falsafah-falsafah lain, maka Islam menolak falsafah-falsafah lain”. Sebaliknya menurut Kassim ungkapan Shahnnon ini patut ditukar kepada: “Oleh kerana Islam lengkap dan mengandungi (bahagian-bahagian benar) falsafah-falsafah lain, maka Islam mengiktiraf (bahagian-bahagian benar) falsafah-falsafah lain. Pada pandangan Kassim Islam perlu bersifat logik terhadap falsafah-falsafah dan ideologi lain dan perlu melihat dengan pandangan kritis dan bukannya negatif seperti mana yang dilihat oleh Shahnnon. Ia mengiktiraf dan menerima yang benar dan mengkritik serta menolak yang batil seperti yang diajar di dalam al-Quran dan al-Hadith.²⁴

Kassim berpendapat bahawa untuk membuat penilaian terhadap satu-satu karya Islam, tidak perlu wujud persoalan tentang adakah penyairnya seorang Islam atau tidak, dan sekiranya beliau merupakan seorang Muslim adakah beliau mengerjakan rukun-rukun Islam atau tidak. Perkara-perkara ini tidak semestinya menentukan ketinggian mutu karya seorang pengarang. Pandangan hidup beliau, bakat beliau, akhlaq beliau, pengalaman-pengalaman beliau dan pengertian beliau terhadap kehidupan adalah faktor-faktor yang menentukan ketinggian mutu itu dari segi estetika Islam.²⁵

Dalam perdebatan antara Shahnnon dengan Kassim, dapat kita simpulkan bahawa Shahnnon cuma menekankan tentang ketepatan definisi sastera Islam dengan unsur-unsur lahiriah dan batiniah. Beliau lebih mengutamakan bahawa bukan sahaja kepada fenomena yang jelas wujud pada sebuah karya sastera itu, tetapi juga beliau melihat lebih jauh kepada unsur-unsur dalaman yang mendorong kelahiran sesebuah karya sastera itu. Beliau mempersoalkan latar belakang aspirasi dan niat yang melahirkan sesuatu karya sastera itu. Menurutnya, ia harus bertunjangkan kepada konsep Tawhid atau keimanan kepada Allah yang mencetuskan unsur estetika keislaman di dalam jiwa pengarang.

Manakala hujah-hujah yang dikemukakan oleh Kassim menekankan kepada unsur logik kerana agama Islam juga mementingkan aqal dan logik. Amanat yang dibawa oleh Islam mengandungi nilai-nilai universal yang mungkin juga dapat dilahirkan atau dicetuskan oleh

²² Kassim Ahmad, April 1983, **Soal Definisi dan Penilaian**, Dewan Sastera, hlm, 39.

²³ Sila rujuk, Shahnnon Ahmad, 1991, **Kesusasteraan dan Etika Islam**, Petaling Jaya, Fajar Bakti, hlm, 70.

²⁴ Kassim Ahmad, April 1983, **Soal Definisi dan Penilaian**, hlm, 41.

²⁵ Kassim Ahmad, April 1983, *passim*, hlm, 41.

penulis-penulis bukan Islam. Dalam hujah-hujahnya Kassim lebih berminat untuk merealisasikan teori sastera Islam sebagai satu teori sastera yang unggul dan sejagat yang boleh dianuti dan dikembangkan bukan sahaja oleh penulis-penulis Islam tetapi juga penulis-penulis bukan Islam dalam arena antarabangsa. Cita-cita Kassim supaya teori sastera Islam dapat mengatasi berbagai-bagai aliran teori sastera Barat yang goyah dengan memanfaatkan falsafah-falsafah dan ideologi-ideologi asing ke dalam Islam. Oleh yang demikian, hujah yang dikemukakan oleh Kassim cuba menekankan dari segi praktikal teori sastera Islam dalam konteks masyarakat manusia antarabangsa.

Reaksi dari Perdebatan Shahnnon dan Kassim

Natijah dari polemik di antara Shahnnon dan Kassim ini telah memanggil beberapa tokoh untuk sama-sama memberikan pandangan. Ada yang menyokong Shahnnon, ada pula yang berpihak kepada Kassim dan ada yang berada di tengah-tengah antara keduanya, memberi komen dan idea terhadap polemik yang dicetuskan oleh Shahnnon dan Kassim.

Antara tokoh yang cuba memberi respon terhadap perdebatan mereka ialah “Rahman Shaari”. Beliau telah cuba menampilkan satu definisi baru iaitu: **Sastera Islam ialah sastera yang mengambil atau memilih Islam sebagai jalan penyelesaian segala persoalan hidup.** Shahnnon menolak definisi yang diberikan oleh Rahman kerana mengikut pendapat Shahnnon “definisi yang dikemukakan oleh Rahman tidak seperti mana sewajarnya. Sebahagian besar tulisannya disumbat dengan kritikan-kritikan yang hanya melihat kelemahan-kelemahan yang sememangnya lemah”²⁶.

Shahnnon mempersoalkan definisi Rahman Shaari kerana baginya Rahman telah cuba untuk menyempitkan peranan Islam dan sastera, bahkan akan menimbulkan kekeliruan. Umpamanya, apakah yang dimaksudkan dengan persoalan masalah hidup? Masalah yang timbul dari perhubungan manusia dengan manusia atau bagaimana? Bagaimana masalah hubungan manusia dengan dirinya? Alamnya? Tuhannya? Ini semuanya perlu dijelaskan²⁷.

Manakala Kassim Ahmad menolak definisi Rahman kerana pada pandangannya kesusasteraan bukan falsafah, dan sesebuah karya sastera tidak semestinya menyelesaikan masalah. Karya-karya sastera seseorang pengarang cuba menciptakan sebuah dunia yang benar, indah dan baik. Secara tidak langsung karya-karya ini boleh menjadi kritikan sosial atau menganjurkan satu program politik, atau mengandungi sesuatu falsafah atau kesemuanya sekaligus. Seterusnya beliau menampilkan beberapa puisi Malaysia dan Indonesia sebagai contoh seperti sajak “Aku” oleh Khairul Anwar, sajak “Seribu Harapan” oleh Masuri S.N dan sajak “Berdiri Aku” oleh Amir Hamzah. Sajak-sajak ini mengikut pandangan Kassim tidak bertujuan untuk menyelesaikan masalah. Tetapi yang menjadi tarikannya adalah keindahannya, kebenarannya dan kebaikannya. Justeru itu, Kassim menyimpulkan definisi yang dikemukakan oleh Rahman Shaari bukan merupakan satu definisi kesusasteraan Islam yang tepat²⁸.

²⁶ Shahnnon Ahmad, Mei 1983, **Sastera Islam: Antara Dalam Diri Dengan Luar Diri**, Dewan Sastera, hlm, 50.

²⁷ Shahnnon Ahmad, Mei 1983, *passim*, hlm, 50.

²⁸ *Ibid*, hlm, 51.

Seterusnya mengikut Norazmi Kuntum, beberapa tokoh ternama dalam bidang Islam di Malaysia menyatakan sokongan terhadap idea Shahnnon antaranya: Dr. Kamal Hassan, Shafie Abu Bakar, Hashim Musa, Rizi S.S (Prof. Dr. Mohd Bukhari Lubis), Nahmar Jamil, Syed Othman Kelantan, Ustaz Uthman al-Muhammady, Dr. Ismail Hamid, Yusuf Zaki Yakub, Ali Hj Ahmad dan Abd Rahman Rukaini dan lain-lain.²⁹

Seorang penyair Islam di Malaysia Nahmar Jamil, umpamanya menulis dan menentang idea dan gagasan yang telah cuba diketengahkan oleh Kassim. Mengikut Nahmar, Kassim Ahmad agak ketinggalan di dalam dunia kesusasteraan Islam. Justeru itu, beliau memberi pengertian yang berbeza dan tersasar dari maksud sebenar. Beliau tidak memberi definisi baru bahkan sekadar bersetuju dengan definisi yang telah dikemukakan oleh Shahnnon³⁰.

Kemudiannya muncul Rustam Diturki (رستم دتوركي) memberi reaksi terhadap perdebatan ini. Beliau menolak konsep yang dibawa oleh Kassim dengan mengatakan bahawa Kasim telah terpengaruh dengan konsep fahaman Barat. Beliau tidak memberi sokongan dan kritikan terhadap Shahnnon. Kassim telah membalas kritikan yang diajukan Rustam tetapi sebaliknya Shahnnon tidak memberi apa-apa respon daripada apa yang dibincangkan.³¹ Ini mungkin kerana Rustam tidak mengkritiknya.

Selepas itu, muncul Dr. Shafie Abu Bakar, memprotes konsep yang digagaskan oleh Kassim. Beliau menjelaskan semua hasil karya yang dihasilkan oleh orang-orang Islam atau bukan Islam yang selaras dengan nilai-nilai Islam termasuk dalam karya-karya yang mempunyai unsur sastera Islam, tetapi untuk “dinobatkan” satu-satu karya itu sebagai “sastera Islam” ia mesti dihasilkan oleh sasterawan yang beragama Islam. Idea ini telah dilontarkan oleh Dr. Shafie Abu Bakar dalam Himpunan penulis penulis Islam (Malaysia) dibawah Persatuan Penulis (Pena) Teluk Intan, Perak, 9-12 April 1983).³²

Kemudian muncul pula seorang tokoh penulis terkenal di Malaysia Baha Zain. Beliau menjelaskan, dalam menghasilkan karya, seseorang perlu menerapkan unsur-unsur Islam, tetapi beliau menegaskan bahawa sastera itu tidak semestinya dikira sebagai sastera Islam apabila ia dihasilkan oleh orang-orang Islam. Beliau telah menyokong idea Kassim dan menolak idea yang dilontarkan oleh Shahnnon. Reaksi dari situasi ini, bangkit Shahnnon dengan tegas menyatakan bahawa sastera Islam perlu dihasilkan oleh orang-orang Islam. Peristiwa ini berlaku di Nadwah Kritikan Sastera (UKM) pada 30-9-1983.³³

Seterusnya dalam seminar “Teori Sastera Islam Kaedah dan Penerapannya” anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka di Putrajaya, Kuala Lumpur, Baha Zain sekali lagi bangkit mempersoalkan apakah perlu sastera Islam ditulis oleh orang Islam? Kemudiannya beliau telah mendatangkan contoh pantun Melayu yang terkenal:

Pisang emas dibawa belayar,
Masak sebiji di atas peti,

²⁹ Kassim Ahmad, April 1983, **Soal Definisi dan Penilaian**, hlm, 59.

³⁰ See, Nahar Jamil, 6 Mac 1983, “**Sastera Islam: Nada Kassim Mengelirukan?**”, Nada Minggu, hlm, 9.

³¹ Nurazmi Kuntum, *ibid*, p. 190.

³² Shafie Abu Bakar, Jun 1983, **Sastera Islam: Perkembangannya di Malaysia**, Dewan Sastera, hlm, 10-16.

³³ Nurazmi Kuntum, *ibid*, hlm, 192-193.

Hutang emas boleh dibayar,
Hutang budi dibawa mati.

Beliau mempersoalkan pantun yang seindah ini, yang begitu bererti dalam masyarakat Melayu apakah dicipta oleh mereka yang beragama Islam ataupun tidak³⁴.

Hari ini, soal sastera Islam masih lagi diperdebatkan bagaimana bentuk dan isinya dan apakah mesti lahir dari seorang Muslim.

Apabila kita meneliti “konsep sastera Islam” yang dikemukakan oleh Kassim, ia telah membawa satu kelainan yang agak ketara, jika dibandingkan dengan konsep yang dikemukakan oleh tokoh sebelum ini. Pertama; ia telah dikemukakan hasil dari penolakannya terhadap konsep yang ditampilkan oleh Shahnnon. Oleh itu, penolakannya terhadap konsep itu telah melibatkan persoalan-persoalan peribadi. Masing-masing seolah-olah ingin meremehkan satu sama lain. Apabila konsep yang ditampilkan oleh Shahnnon kemudiannya disanggah oleh Kassim, seterusnya disanggah oleh Shahnnon kembali telah menjelaskan bagaimana kedua-duanya ingin menegakkan hujah masing-masing meskipun mereka bersetuju pada satu-satu pendapat. Pada permulaan perdebatan berkisar tentang definisi yang dikemukakan oleh Shahnnon tentang sastera Islam iaitu “bersastera kerana Allah berhikmah untuk manusia”.

Kesimpulan

Setelah melalui perdebatan yang panjang akhirnya Kassim mengakui bersastera kerana Allah lebih tinggi dan lebih mulia jika dibandingkan dengan bersastera kerana fahaman lain. Namun begitu mereka tetap berbeza pada persoalan asas dalam menghasilkan karya. Kassim tidak meletakkan asas kepada melahirkan “sastera Islam” itu sebagai “aqidah”. Ini kerana, baginya sesiapa sahaja boleh melahirkan sastera yang bermutu, yang mempunyai nilai-nilai estetika yang tinggi walaupun tidak beragama Islam. Bagi Kassim, aqidah tidak menjadi asas penting untuk melahirkan “sastera Islam”. Ini kerana beliau mentafsirkan aqidah dengan tafsiran yang umum dan berbeza sepertimana yang telah dijelaskan. Seseorang itu bebas untuk berpegang kepada mana-mana ideologi dan memanfaatkannya kerana setiap ideologi itu ada nilai universalnya yang bersesuaian dengan Islam. Kassim telah mengetengahkan banyak di kalangan penulis yang bukan beragama Islam tetapi telah melahirkan karya yang mempunyai nilai universal yang bersesuaian dengan Islam. Sebagai contohnya ialah Dante, T.S Eliot dan sebagainya. Jelasnya, Kassim hanya melihat kepada karya secara luaran dan tidak kepada proses kelahiran karya secara dalaman. Hujah Kassim, andainya unsur aqidah menjadi asas, maka bagaimana dengan penulis Muslim yang melahirkan karya yang tidak berakhlak dan tidak bermutu?

Oleh itu, beliau menyimpulkan “sastera Islam ialah karya yang dihasilkan oleh manusia mengikut “estetika Islam” untuk manusia”. Bagi Kassim, andainya masih ingin menekankan aspek aqidah dalam proses pengkaryaan, maka sastera Islam perlu ditukar kepada sastera orang-orang Islam (الأدب المسلمين). Meskipun banyak suara yang menentang idea Kassim, namun beliau tetap dengan pendapatnya dan menimbulkan beberapa persoalan tentang

³⁴ Penulis menyaksikan peristiwa ini sewaktu menjadi peserta dan pembentang kertas kerja bagi seminar ini.

sastera Islam untuk dijawab, iaitu: apakah estetika atau teori sastera Islam? Apakah kesusasteraan Islam dan bagaimana ia timbul? Apakah tujuan dan peranan kesusasteraan? Apakah jenis-jenis, bentuk dan teknik-teknik sastera Islam? Bagaimanakah menilai kesusasteraan Islam? Walaupun pada dasarnya beliau ingin menyulitkan tentang “konsep sastera Islam”, namun kita boleh simpulkan bahawa andainya kita mengkaji dan mengamati konsep-konsep yang telah dilahirkan oleh tokoh-tokoh dalam bidang ini, kita akan menemui jawapan terhadap persoalan-persoalan yang diajukan oleh Kassim. Hakikatnya, sastera Islam merupakan satu mauduk yang jelas berasaskan aqidah Islam yang tidak perlu dipertikaikan lagi.

Rujukan

Al-Quran al-Karim.

<http://www.stromloader.com/5-2-2016>

Kassim Ahmad, April 1983, **Soal Definisi dan Penilaian**, Dewan Sastera.

Kassim Ahmad, Februari 1983, **Menuju Sebuah Teori Sastera Islam: Jawapan kepada Shahnon**, Dewan Sastera,

Kassim Ahmad, Jun 1983, **Menuju Sebuah Teori Sastera Islam: Pandangan Hidup Tawhid dan Estetika Islam**, Dewan Sastera.

Nahar Jamil, 6 Mac 1983, “**Sastera Islam: Nada Kassim Mengelirukan?**”, Nada Minggu.

Nurazmi Kuntum, 1991, **Teori dan Pemikiran Sastera Islam Di Malaysia**, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Shafie Abu Bakar, Jun 1983, **Sastera Islam: Perkembangannya di Malaysia**, Dewan Sastera.

Shahnon Ahmad, 1991, **Kesusasteraan dan Etika Islam**, Petaling Jaya, Fajar Bakti.

Shahnon Ahmad, Januari 1983, **Masalah Kegiatan Kesusasteraan Sebagai Satu Ibadah**, Dewan Sastera.

Shahnon Ahmad, Mei 1983, **Sastera Islam: Antara Dalam Diri Dengan Luar Diri**, Dewan Sastera.